

LAMPIRAN B

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG SEMPENA PESTA PULAU PINANG 2023

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI
1.0	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN/ BANGUNAN	
1.1	Bagi tempoh 45 hari dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.	
1.1.1	Membekalkan seorang Penyelia yang akan mengawasi dan menyelia semua Pekerja dan memastikan semua Pekerja menjalankan Perkhidmatan dengan teratur dan sempurna seperti dikehendaki oleh Kerajaan Negeri.	1 orang untuk 45 hari
1.1.2	Membekalkan tenaga buruh seramai 15 orang (melantik sekurang-kurangnya 1 orang perempuan) untuk kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan seperti kawasan lapang, laluan pejalan kaki, kawasan berumput, longkang (termasuk di kawasan letak kereta), tandas-tandas, bangunan dewan, 'Rumah Kesenian', bangunan Urus Setia, <i>booth</i> tiket, kawasan hadapan dan persekitaran <i>booth</i> tiket, kawasan medan selera, taman hiburan dan kawasan-kawasan lain yang perlu dibersihkan atas arahan Urus Setia dari semasa ke semasa.	15 orang untuk 34 hari
1.1.3	Membekalkan tenaga buruh seramai 7 orang untuk kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan seperti kawasan lapang, laluan pejalan kaki, kawasan berumput, longkang (termasuk di kawasan letak kereta), tandas-tandas, bangunan dewan, 'Rumah Kesenian', bangunan Urus Setia, <i>booth</i> tiket, kawasan hadapan dan persekitaran <i>booth</i> tiket, kawasan medan selera, taman hiburan dan kawasan-kawasan lain yang perlu dibersihkan atas arahan Urus Setia dari semasa ke semasa.	7 orang untuk 4 hari (sebelum) 7 orang untuk 7 hari (selepas)

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI
1.1.4	Menyediakan alat kelengkapan kebersihan yang mencukupi atas tanggungan Kontraktor untuk kerja-kerja seperti di perkara 1.1.2 di atas seperti tong sampah, plastik sampah, penyapu, penyodok, mop, penyakar, alat pembersihan tandas, wangian tandas, sabun pencuci tangan, getah paip tandas bagi kegunaan pengguna dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengan kerja pembersihan.	Secukupnya
1.1.5	Menyediakan mesin pengering lantai ' <i>Blower</i> ' dengan jumlah yang mencukupi untuk mengeringkan lantai tandas atau kawasan lain sepertimana yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.	Secukupnya
1.2 1.2.1 1.2.2 1.2.2.1	Bagi tempoh 34 hari dari jam 4.00 petang hingga 12.00 tengah malam. Membekalkan seorang Penyelia yang akan mengawasi dan menyelia semua Pekerja dan memastikan semua Pekerja menjalankan Perkhidmatan dengan teratur dan sempurna seperti dikehendaki oleh Kerajaan Negeri. Membekalkan tenaga buruh seramai 43 orang (melantik sekurang-kurangnya 5 orang perempuan) untuk kerja-kerja seperti berikut: Kerja-kerja pembersihan kawasan dan bangunan seperti kawasan lapang, laluan pejalan kaki, kawasan berumput, longkang (termasuk di kawasan letak kereta), tandas-tandas, bangunan dewan, 'Rumah Kesenian', bangunan Urus Setia, <i>booth</i> tiket, kawasan hadapan dan persekitaran <i>booth</i> tiket, kawasan medan selera, taman hiburan dan kawasan-kawasan lain yang perlu dibersihkan atas arahan Urus Setia dari semasa ke semasa.	 1 orang untuk 34 hari 43 orang untuk 34 hari

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI
1.2.3	Menyediakan alat kelengkapan kebersihan yang mencukupi atas tanggungan Kontraktor untuk kerja-kerja seperti di perkara di atas seperti tong sampah, plastik sampah, penyapu, penyodok, mop, penyakar, alat pembersihan tandas, wangian tandas, sabun pencuci tangan, getah paip tandas bagi kegunaan pengguna dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengan kerja pembersihan.	Secukupnya
1.2.4	Menyediakan mesin pengering lantai 'Blower' dengan jumlah yang mencukupi untuk mengeringkan lantai tandas atau kawasan lain sepertimana yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.	Secukupnya
2.0	PENGANGKUTAN LORI SAMPAH	
2.1	Membekalkan perkhidmatan pengangkutan lori sampah dari tapak pengumpulan sampah di Tapak Pesta Sungai Nibong ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung, Seberang Perai Selatan atau tapak pelupusan lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan termasuk segala caj-caj/permit/lesen yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuangan sampah serta kos sewaan 4 buah tong sampah besar (roro) untuk ditempatkan di tapak pemunggahan Tapak Pesta.	Bilangan trip tertakluk kepada keperluan untuk mengosongkan tong sampah sebelum jam 4.00 petang pada setiap hari.
3.0	KEPERLUAN LAIN	
3.1	Jadual tugasan harian Pekerja yang merangkumi bilangan pekerja, zon bekerja dan senarai tugas perlu disediakan untuk pemantauan oleh Urus Setia.	-
3.2	Menyediakan tong kitar semula (<i>recycling bin</i>) dengan jumlah yang mencukupi.	4 Set
3.3	Menyediakan Tong Kitar "Sanitary Bin' di tandas Wanita dengan jumlah yang mencukupi.	20 Set